

04/10/1997

Pakar agama tidak semestinya ulama

Nasir Hassan

KOTA BHARU, Jumaat - Perkataan ulama bukanlah sijil bagi seseorang yang pakar dalam ilmuan Islam, kata Mufti Perak, Datuk Harussani Zakaria.

Tetapi, katanya, ia adalah suatu pengiktirafan orang ramai terhadap kemampuan seseorang dalam bidang agama.

Sehubungan itu, beliau bersetuju dengan pandangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang mempertikaikan mengenai perkataan 'ulama' itu sendiri.

Menurutnya, isu mengenai pentafsiran perkataan ulama itu sudah selesai dibincangkan dalam perjumpaan antara 14 mufti dari seluruh negara dengan Perdana Menteri, di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

"Kita sudah jelaskan bahawa ulama itu sendiri bukan suatu `certificate`, tetapi ia adalah suatu pengiktirafan orang ramai terhadap kemampuan seseorang," katanya kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, di JKR 10, di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai isu gelaran ulama yang diberikan kepada seseorang mengikut persfektif Islam.

Harussani tiba di sini untuk menjadi salah seorang ahli panel Forum Perdana Ehwal Islam anjuran Majlis Daerah Kuala Krai Utara (MDKKU), di bandar itu, malam ini.

Menurutnya, dalam perjumpaan dengan Perdana Menteri itu beliau berpuas hati kerana dapat menjelaskan segala pandangan mufti dan berharap pandangan itu diambil kira oleh kerajaan.

"Perdana Menteri sendiri mengatakan persetujuan untuk mengadakan pertemuan tiga bulan sekali, supaya ia dapat mendekatkan ulama dengan kerajaan.

"Alhamdulillah, kita yakin dengan ini hubungan kita akan bertambah erat lagi," katanya.

Sebelum ini, Dr Mahathir menyatakan kerajaan sedia mengadakan pertemuan lebih kerap dengan mufti bagi mengeratkan hubungan di antara umarak dan ulama.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, agak sukar bagi kerajaan untuk mengadakan pertemuan dengan semua ulama kerana tafsiran ulama di negara ini terlalu luas sehingga orang ramai mendakwa diri mereka sebagai golongan itu.

(END)